

# Larian 'We Are Proud of You' sempena Jubli Perak FPP UMS

UB 9.5.2019 B2

KOTA KINABALU: Persatuan Mahasiswa Psikologi dan Pendidikan (Permaps) sesi 2018/2019 dengan kerjasama Fakulti Psikologi dan Pendidikan serta beberapa pelajar dari Program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan dengan Kepujian, Mengajar Bahasa Inggeris sebagai Bahasa Kedua (TESL) dan Program Ijazah Sarjana Muda Sains Sukan menganjurkan Larian 'We Are Proud of You' bersempena dengan sambutan Jubli Perak Universiti Malaysia Sabah (UMS) pada 20 April lalu.

Di samping itu, program yang julung kali diadakan ini berhasrat untuk meningkatkan semangat kesukuanan dalam diri mahasiswa dan setiap lapisan masyarakat.

Program ini juga dianjurkan untuk menggerakkan silaturahim antara warga Fakulti Psikologi dan Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah (UMS), alumni dan masyarakat setempat. Majlis ini disempurnakan oleh Dekan Fakulti Psikologi dan Pendidikan Profesor Dr. Ismail Ibrahim yang mewakili Naib Canselor UMS Prof. Datuk Dr D Kamarudin D Mudin.

Presiden Permaps esi 2018/2019 Hafizan Irwan, selaku pengarah Larian Jubli Perak UMS melaporkan acara larian 5KM dan 10KM bermula dari Padang Kawad Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (Palapes), dan berakhir di tempat yang sama dengan pusingan larian 5KM di bulatan clock tower UMS dan 10KM di simpang Pusat Kegiatan Luar (ODEC).

Seramai 178 peserta yang terdiri daripada pelajar, kakitangan UMS, Alumni Fakulti Psikologi dan Pendidikan serta masyarakat setempat telah mengambil bahagian bagi merebut empat kategori yang dipertandingkan iaitu 5KM lelaki dan wanita, 10KM lelaki dan wanita.

Bagi kategori lelaki 5KM pula memperlihatkan Faizal Ajaz muncul johan disusuli Hasris Herman. di tempat kedua. Manakala tempat ketiga dimiliki oleh Mohd Nurelzaretiqie Madah. Bagi kategori wanita 5KM pula,

menyaksikan Faeziah Mahali yang dinobatkan sebagai juara.

Naib johan disandang oleh Evergreen Edward dan tempat ketiga dimenangi oleh Bernadette Thein. Johan bagi kategori itu menerima wang tunai sebanyak RM150, medal dan sijil.

Naib johan dan tempat ketiga pula masing-masing menerima RM100 dan RM50 beserta medal dan sijil.

Bagi kategori lelaki 10KM, Kelvin Koneil terus gagah melangkah hingga ke garisan penamat untuk dinobatkan sebagai juara bagi mengetepikan pesaing terdekatnya Su Hao Ren di tempat kedua. Manakala tempat ketiga dimiliki oleh Jerry J.

Kategori wanita 10KM pula menyaksikan Michelle Gollip muncul johan dan Christine Julius sebagai naib johan, disusuli dengan Jamneh Sulid di tempat ketiga.

Johan, naib johan dan pemenang tempat ketiga bagi kedua-dua kategori masing-masing menerima hadiah berupa wang tunai sebanyak RM200, RM150 dan RM100 beserta medal dan sijil.

Permaps juga berjaya mendapatkan sokongan dan tajaan daripada pelbagai pihak. Antara penaja utama larian ini ialah FPP Rehab & Fitness Centre, Alumni Fakulti Psikologi dan Pendidikan, F&N, Seoul Garden, Grand Borneo, Le Meridien, Avon dan Golden Screen Cinemas serta derma perseorangan.

Timbalan Dekan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Fakulti Psikologi dan Pendidikan Dr. Soon Singh A/L Bikar Singh berharap agar program seumpama ini diteruskan lagi pada tahun hadapan kerana ia bersesuai dengan hasrat dan harapan yang disampaikan oleh dekan Fakulti Psikologi dan Pendidikan melalui ucapannya, "Peluang untuk melibatkan diri dalam sukan perlu direbut oleh semua orang kerana penyertaan anda akan memberi impak baik kepada kesihatan diri sendiri. Di samping itu, larian ini juga dapat mengukuhkan ikatan ukhuwah dalam kalangan kakitangan UMs dan masyarakat setempat."



MAJLIS penyampaian hadiah kepada menang disampaikan oleh Dekan FPP UMS Prof Dr Ismail Ibrahim.